

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' DR. HASAN BIN BAHROM**  
**KAWASAN : TAMPIN**  
**TARIKH : 17 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN NO. 21**

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai hasrat untuk membina jajaran jalan raya empat Lorong antara Gemas dan Tampin, memandangkan kewujudan Kem Tentera Sirajuddin di Gemas. Kalau ya, bila ia akan dilaksanakan dan kalau tidak, mengapa. Sedangkan keselamatan negara adalah penting dan perlu diberi keutamaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini pernah mengangkat permohonan Menaiktaraf Jalan Senawang – Gemas, Laluan Persekutuan 1 (FT001) di dalam *Rolling Plan 1 (RP1)*, RMKe-11. Namun demikian, permohonan tersebut tidak mendapat kelulusan Agensi Pusat dalam tempoh tersebut. Selain itu, berdasarkan kepada data banci *Road Traffic Volume Malaysia (RTVM) 2019*, aliran trafik di kawasan ini masih lancar dan stabil di tahap *Level Of Service (LOS) A* dan *B* serta belum mencapai kapasiti aliran trafik yang telah ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang berhormat juga, projek ini tiada dalam senarai keutamaan yang diterima daripada Negeri Sembilan untuk *Rolling Plan 1 (RP1)* RMKe-12. Walau bagaimanapun, Kementerian ini akan meneliti semula projek ini sekiranya dimohon untuk *Rolling Plan RMKe-12* yang akan datang dan memenuhi keperluan teknikal untuk dinaiktaraf. Kelulusan projek adalah bergantung kepada Agensi Pusat berdasarkan keutamaan dan kedudukan kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.